

E-BULETIN POLGOV

2023/2024

→ first edition



Isi Kandungan

Kata Aluan-aluan Dekan FSSK	02
Kata Alu-aluan Penyelaras Program	03
Kata Alu-aluan Presiden Kelab Program	04
Carta Organisasi Jawatankuasa E-Buletin	05
Carta Organisasi Kabinet POLGOV 2023/2024	06
Staf Akademik Kajian Politik dan Pemerintahan	08
Aktiviti-Aktiviti POLGOV 2023/2024	10
• Pertandingan Mereka Cipta Baju Korporat POLGOV	
• Kem Sains Sosial dan Kemanusiaan (SOSHUC)	
• Pertandingan Video 1 Minit “Wes Anderson” Film	
• Lawatan ke Dewan Undangan Negeri Sarawak 1.0	
• Pertandingan Mereka Baju Sukan POLGOV	
• Seminar Projek Tahun Akhir Bersiri	
• Majlis Berbuka Puasa “Sungkey @ The Square”	
• <i>POLGOV Care: Sentuhan Insan</i>	
• Lawatan POLGOV Society ke UNTAN	
• Bicara Isu-isu Semasa Politik Malaysia dari Perspektif Gen Z	
• <i>POLGOV Leaders: Knowledge Sharing</i>	
• Pertandingan Video “Innovative Sustainability 2024”	
• Majlis Makan Malam Pelajar Tahun Akhir	
• Program Khidmat Masyarakat	
• Rapat Umum Calon Pilihan Raya POLGOV 2024/2025	

KATA ALU-ALUAN

Dekan FSSK

Selamat Sejahtera dan Salam UNIMAS Lestari,

Saya dengan berbesar hati mengucapkan selamat datang ke E-Buletin Program Kajian Politik dan Pemerintahan bagi sesi 2023/2024 (Edisi Pertama). E-Buletin ini merupakan inisiatif penting yang bertujuan untuk memaparkan pelbagai aktiviti dan pencapaian program, dengan harapan dapat memberikan impak positif kepada para pelajar dan komuniti.

Penglibatan pelajar dalam kurikulum yang komprehensif dan terkini adalah penting dalam membentuk mereka sebagai individu yang berkemahiran tinggi dalam aspek kepimpinan. Justeru, para pelajar Kajian Politik dan Pemerintahan digalakkan untuk memanfaatkan peluang menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan, dengan tujuan meningkatkan tahap sosial dan disiplin diri mereka. Saya sangat berbangga dengan usaha dan dedikasi yang ditunjukkan oleh para pelajar dalam usaha mempertingkatkan kualiti diri sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti. Melalui E-Bulletin ini, Program Kajian Politik dan Pemerintahan komited untuk menganjurkan pelbagai aktiviti, sama ada dalam bidang akademik maupun sosial, yang bertujuan untuk menarik minat pelajar dalam menambah pengetahuan dan pengalaman mereka.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Penyelaras Program Kajian Politik dan Pemerintahan serta para exco yang telah memberikan sumbangan signifikan dalam penerbitan E-Buletin ini. Saya berharap Program Kajian Politik dan Pemerintahan akan terus mencapai kecemerlangan dan berpegang teguh kepada komitmen untuk memberikan yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

Dr. Kiky Kirina binti Abdillah
Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan



KATA ALU-ALUAN

Penyelaras Program



Selamat Sejahtera dan Salam UNIMAS Lestari,

E-Buletin Kajian Politik dan Pemerintahan 2023/2024 ini merupakan manifestasi usaha gigih dan dedikasi tinggi oleh para exco Kajian Politik dan Pemerintahan. Melalui penerbitan ini, kami mempersempitkan pelbagai hasil program yang diharapkan dapat melahirkan pelajar yang berdaya saing, memiliki kemahiran sosial yang tinggi, serta berdisiplin.

Sebagai penyelaras program, saya amat berbangga dengan pencapaian dan semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar. E-Buletin ini memaparkan pelbagai aktiviti yang dianjurkan dalam bentuk akademik dan sosial, dengan tujuan melahirkan pelajar yang seimbang dari semua aspek. Program Kajian Politik dan Pemerintahan berusaha untuk menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik dan bermanfaat untuk para pelajar.

Melalui inisiatif ini, pelbagai pengetahuan dan pengalaman berharga dapat diperoleh. Justeru, para pelajar amat digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai bidang kerana ini dapat mengasah kemahiran kepimpinan, pemikiran kritis, dan komunikasi mereka.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan aktiviti-aktiviti bersama Kajian Politik dan Pemerintahan. Saya berharap hasil daripada usaha gigih ini akan menjadi pendorong kepada kita semua untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Dr. Leha anak Saliman
Penyelaras Program
Kajian Politik dan Pemerintahan

KATA ALU-ALUAN

Presiden

UNIMAS POLGOV SOCIETY 2023/2024

Salam sejahtera kepada semua pembaca edisi pertama E-Bulletin POLGOV,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada ahli editor E-Buletin POLGOV 2023/2024 atas kejayaan menerbitkan E-Buletin POLGOV ini. Kami sangat berbangga dengan penerbitan edisi pertama buletin ini. Sesungguhnya, ia adalah satu penghormatan besar kepada saya untuk diberi peluang menyatakan penghargaan dalam E-Bulletin ini.

Saya berasa amat bertuah diberikan peluang untuk mengetuai Kabinet POLGOV UNIMAS 2023/2024. Sejurnya, menjadi presiden adalah satu tugas yang mencabar. Walaupun terdapat pelbagai rintangan yang perlu kami atasi sebagai satu pasukan, saya berasa sangat gembira dapat berkhidmat untuk program ini sehingga akhir penggal. Kami menghargai detik-detik manis dan menjadikannya sebagai kenangan. Ia adalah satu proses pembelajaran bagi

Berlandaskan keyakinan saya bahawa "seorang pemimpin adalah untuk membina pemimpin lain," saya sangat terinspirasi dengan potensi yang ada dalam kabinet ini. E-Buletin POLGOV' ini adalah bukti komitmen kami untuk belajar, berkongsi, dan maju bersama supaya boleh menginspirasi dan membimbing orang di sekeliling.

Sebelum menyerahkan tanggungjawab kepada Kabinet POLGOV sesi akan datang, saya ingin merakamkan penghargaan kepada fakulti, khususnya Dr. Leha anak Saliman, dan semua pensyarah atas sokongan mereka. Terima kasih juga kepada ahli kabinet atas komitmen dan dedikasi mereka. Saya berharap semua pelajar POLGOV akan terus berusaha mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.



Emma Anchong Chaong
Presiden
UNIMAS POLGOV 2023/2024

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA E-BULETIN POLGOV



PROFESOR DR.NEILSON ILAN ANAK MERSAT
(PENASIHAT)



DR.LEHA ANAK SALIMAN
(TIMBALAN PENASIHAT)



REGINA SARA ANAK SENON
(AHLI EDITOR)



NURUL DAMIA BINTI RAMZI
(KETUA EDITOR)



EMMA ANCHONG CHAONG
(AHLI EDITOR)



REGINA LUGA ANAK SHEOMAN
(AHLI EDITOR)



NORIANA ANAK DREAT
(AHLI EDITOR)



NUR ANIS NATASYA BINTI NAZARI
(AHLI EDITOR)



**NUR HUMAIRA BATRISYA BINTI ABU
BAKAR**
(PENCIPTA KANDUNGAN)



NATASHA SYAFIAH BINTI HANAFI
(PENCIPTA KANDUNGAN)



CHENG SIEW THING
(PENCIPTA KANDUNGAN)

KABINET UNIMAS POLGOV SOCIETY 2023/2024



PRESIDEN
EMMA ANCHONG CHAONG



TIMBALAN PRESIDEN I
NURUL SHAFIQAH IZWANY BINTI ABDUL RASA



TIMBALAN PRESIDEN II
REGINA SARA ANAK SENON



BENDAHARI
FARAH AFRINA INSYIRA BINTI SYAIFUL NIZAM



SETIAUSAHA
DARRYL ASHLY ANAK DANNY

KABINET UNIMAS POLGOV SOCIETY

2023/2024

EXCO RESEARCH AND DEVELOPMENT



**NUR HUMAIRA BATRISYA
BINTI ABU BAKAR**



**NATASHA SYAFIAH BINTI
HANAFI**



CHENG SIEW THING

EXCO CORPORATE RELATIONS



**MUHAMMAD AFIQ AZIZI BIN
TARMIZI**



**PUTRI IZZATI AIYANI BINTI
RUJISSMANY@KINON**



NURUL DAMIA BINTI RAMZI

EXCO MEDIA AND PUBLICITY



NORIANA ANAK DREAT



**REGINA LUGA ANAK
SHEOMAN**



**NUR ANIS NATASYA BINTI
NAZARI**

EXCO SPORT AFFAIRS



**GILBERT GANING ANAK
PETER**



**DOMINIC KELIE ANAK
ROBERT**



**LAVENNE HUNYANG
LEMALI**

EXCO LOGISTIC AND PROTOCOL



ROSZAN BIN MAHAJUNG



CLAULDIA VIA LAING



**MUHAMMAD SHAHRUL BIN
SHAMSUL BAHRI**

EXCO SPECIAL TASK



**SITI NUR MASITAH BINTI
RODZUAN**



RABIATUL ADAWIYAH



**JUENEWATIZAH BINTI
EKOL@SUHAIMIN**

Staf Akademik

Prof Dr Neilson Ilan Mersat

Political Sciences & International Relations



Prof Madya Dr Arnold Puyok

Political Science

Dr Leha Ak Saliman

Political Science and Public Administration



Dick Lembang Dugun

Public Administration & Political Science

Staf Akademik

Dr Hafizan Bt Mohamad Naim

Political Science



Muhammad Azzubair Awwam Mustafa

Human Science

Dr Nor Rafidah Saidon

Political Science



Athifah Bolhassan

Administrative Science & Policy Studies

PERTANDINGAN REKA CIPTA

Baju Korporat POLGOV

Pada 2 hingga 17 September 2023, Program Politik dan Pemerintahan (POLGOV) telah menganjurkan Pertandingan Reka Bentuk Baju Korporat. Pertandingan ini bertujuan untuk melibatkan semua pelajar dalam berkongsi idea dan menghasilkan rekaan baju korporat yang unik dan kreatif.

Pemenang bagi pertandingan ini ialah Riana anak Dreat, pelajar Tahun 2. Baju korporat ini kini digunakan setiap hari Isnin yang mampu menunjukkan profesionalisme pelajar POLGOV. Disamping itu Presiden POLGOV juga turut menyatakan bahawa pemakaian baju korporat ini bukan sahaja digunakan pada hari Isnin, malah menjadi pakaian untuk majlis formal.

Penggunaan baju korporat ini dalam pelbagai aktiviti, baik di dalam maupun di luar universiti, menekankan kepentingan penampilan profesional dalam konteks akademik dan sosial. Aktiviti ini tidak hanya memupuk kreativiti tetapi juga meningkatkan kefahaman pelajar tentang fungsi dan identiti persatuan mereka.

Dengan kejayaan ini, baju korporat yang direka oleh Riana bukan sahaja memenuhi kriteria estetika tetapi juga telah diterima secara luas sebagai simbol profesionalisme dan kebanggaan pelajar POLGOV.



- Poster Pengumuman Pemenang

- Penggunaan Baju Korporat pada Hari Isnin

SOSHUC 2023

KESEPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN

Pada 21 dan 22 Oktober 2023, Persatuan Sains Sosial dan Kemanusiaan (PSSK) telah menganjurkan Social Science and Humanities Camp (SOSHUC) kali ke-8 dengan tema “Kesepaduan Dalam Kepelbagaian.” Program ini dijalankan secara fizikal dan melibatkan tenaga barisan PSSK sesi 2023/2024 dan fasilitator SOSHUC 2023. Kem ini berfungsi sebagai orientasi untuk pelajar Tahun 1, dengan tujuan mempersiapkan mereka secara mental dan fizikal sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti.



Pada hari kedua, POLGOV Society mengambil bahagian dalam Slot Bersama Kelab Program. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan termasuk Kempen ‘Say Nice Things’ dan Sesi Panel bersama presiden POLGOV, pelajar yang telah menjalankan latihan industri dari sektor awam dan swasta, serta alumni. Kempen ‘Say Nice Things’ yang dianjurkan oleh alumni Emily May, adalah untuk mempromosikan masyarakat yang lebih baik dan lebih memahami di Malaysia. Ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran tentang bahaya dan implikasi ucapan kebencian serta menghapuskan stereotaip terhadap komuniti yang terpinggir.

SOSHUC Camp 2023 berjaya mempererat hubungan dalam komuniti akademik dan mendorong pelajar untuk aktif dalam aktiviti akademik dan luar akademik. Pelajar Tahun 1 bukan sahaja lebih bersedia menghadapi cabaran akademik, tetapi juga termotivasi untuk menyumbang secara positif dalam komuniti universiti untuk membentuk individu yang holistik dan berdaya saing.



PERTANDINGAN VIDEO 1 Minit Filem “Wes Anderson”

Pertandingan Video 1 Minit “Wes Anderson” Film diadakan sempena Festival Konvokesyen UNIMAS ke-27, dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS (MPP). Pertandingan ini terbuka kepada semua kelab dan persatuan yang berdaftar di bawah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Peserta dikehendaki menghasilkan video yang selaras dengan tema ‘Wes Anderson’ yang telah ditetapkan.



Kabinet POLGOV 23/24 telah mengambil bahagian dalam menghasilkan video bertajuk “Sehari sebagai Pelajar POLGOV.” Dalam video tersebut, ahli Kabinet POLGOV memaparkan kehidupan seimbang antara akademik dan sosial yang mereka jalani. Video ini menunjukkan bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan cabaran harian serta aktiviti yang berkaitan dengan sumbangan positif mereka kepada komuniti universiti.

Proses pembuatan video ini memupuk kreativiti dan semangat kerjasama dalam kalangan ahli kabinet, serta membolehkan mereka mengembangkan kemahiran penting untuk kejayaan di masa depan. Pengalaman ini telah meningkatkan semangat dan motivasi mereka untuk menyertai lebih banyak pertandingan pada masa hadapan.

Untuk menonton video tersebut, sila klik link di bawah.



www.polgov.com

LAWATAN

Dewan Undangan Negeri Sarawak

Pada 10 Januari 2024, UNIMAS POLGOV Society 2023/2024 telah mengadakan lawatan akademik ke Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUN). Lawatan ini disertai oleh pelajar POLGOV dari Tahun 2 dan Tahun 3, manakala Dr. Leha anak Saliman bertindak sebagai pensyarah pengiring.



Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan langsung kepada pelajar tentang fungsi dan struktur pentadbiran negeri Sarawak. Sepanjang lawatan, para pelajar mempelajari sejarah Dewan Undangan Negeri Sarawak dan memahami peranan serta tanggungjawab wakil rakyat dalam proses membuat keputusan yang mempengaruhi kehidupan rakyat. Pengalaman ini membantu memperkaya pengetahuan pelajar tentang bagaimana teori-teori politik yang dipelajari diterapkan dalam amalan sebenar.

Selain itu, lawatan ini juga meningkatkan kepekaan mereka terhadap tanggungjawab sebagai warganegara yang terlibat dalam proses politik. Pendedahan ini diharapkan dapat memotivasi pelajar untuk lebih aktif dalam komuniti politik dan akademik mereka, serta memahami peranan penting mereka dalam memperjuangkan prinsip-prinsip demokrasi.

Dengan ini, lawatan ke DUN Sarawak bukan sahaja berfungsi sebagai pengalaman pendidikan tetapi juga sebagai inspirasi untuk pelajar menjadi pemimpin yang berpengetahuan dan bertanggungjawab pada masa hadapan.



PERTANDINGAN REKA CIPTA Baju Sukan POLGOV

POLGOV Society telah menganjurkan Pertandingan mereka cipta baju sukan POLGOV, yang merupakan salah satu daripada aktiviti POLGOV bersempena dengan FOSSH (*Festival of Social Sciences and Humanities*). Pertandingan ini bertujuan untuk mengetengahkan dan mengasah bakat kreatif dalam kalangan pelajar. Selain itu, pertandingan ini juga berfungsi sebagai platform untuk memilih rekaan baju sukan yang paling unggul dan sesuai untuk dipakai sepanjang acara FOSSH berlangsung.



Dengan tema warna "Maroon," pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan kreativiti mereka dalam reka bentuk baju sukan yang mencerminkan identiti POLGOV dan semangat kesukanan. Pemenang pertandingan, Agustin Yus dari Tahun 2, telah dipilih berdasarkan rekaan yang paling menarik. Rekaan beliau yang menampilkan elemen burung Phoenix sebagai haiwan semangat POLGOV, berjaya menonjolkan semangat kebangkitan dan kekuatan dalam kalangan pelajar.

Selain berfungsi sebagai platform untuk menonjolkan bakat kreatif pelajar, pertandingan ini juga bertujuan memupuk semangat kerjasama dan meningkatkan penyertaan dalam kalangan pelajar POLGOV. Diharapkan melalui rekaan baju sukan yang unik dan menarik, pelajar akan lebih bersemangat untuk menyertai acara FOSSH dan pada masa yang sama memperkuuhkan identiti POLGOV dalam kalangan peserta dan masyarakat umum.

Seminar Projek Tahun Akhir Bersiri

Program Seminar Projek Tahun Akhir Bersiri adalah inisiatif yang dirancang dengan tujuan utama untuk memberikan pendedahan mendalam kepada para pelajar mengenai aspek-aspek penting dalam penulisan akademik. Seminar ini merupakan platform yang sangat berharga, khususnya bagi pelajar Tahun 3, untuk memperkuuhkan kemahiran penulisan mereka serta meningkatkan pemahaman dalam menghasilkan penulisan yang baik. Selain itu, seminar ini juga memberi peluang awal kepada pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 untuk mempersiapkan diri sebelum memulakan Projek Tahun Akhir. Seminar ini dibahagikan kepada lima sesi yang dikendalikan oleh barisan penceramah berpengalaman dalam bidang akademik, iaitu Professor Dr. Neilson Ilan Mersat, Dr. Leha Saliman, Dr. Hafizan Mohamad Naim, AP Dr. Arnold Puyok, dan Encik Dick Lembang Dugun. Setiap sesi memberi fokus kepada elemen-elemen penting dalam penulisan akademik dan bertujuan memperkaya pengetahuan serta kemahiran para pelajar.

Seminar ini berjaya mencapai objektifnya dengan memberikan pendedahan yang komprehensif kepada para pelajar mengenai penulisan akademik. Para pelajar yang terlibat melaporkan peningkatan ketara dalam pemahaman mereka terhadap struktur dan proses penulisan akademik. Pendedahan awal kepada pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 juga dilihat sebagai langkah proaktif yang mampu meningkatkan kualiti penulisan mereka pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja berjaya memperkuuhkan kemahiran penulisan pelajar, tetapi juga mempersiapkan mereka dengan lebih baik untuk menghadapi cabaran dalam projek penyelidikan yang akan datang.



MAJLIS BERBUKA PUASA Sungkey @ The Square

Pada 28 Mac 2024, Kabinet POLGOV telah menghadiri majlis berbuka puasa, iaitu "Sungkey @ The Square," yang diadakan di Chancellory Bucida Square, dan turut dihadiri oleh YBhg Prof Dr Ahmad Hata bin Rasit, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). "Sungkey @ The Square" bukan sekadar majlis berbuka puasa, tetapi juga merupakan platform untuk mengeratkan hubungan antara semua peserta tanpa mengira latar belakang kaum dan agama. Dengan tema perpaduan dan toleransi, majlis ini bertujuan memupuk semangat ukhuwah serta meningkatkan kefahaman antara satu sama lain dalam suasana yang harmoni.

Majlis ini dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat dan melibatkan pelbagai aktiviti yang memperlihatkan sikap saling menghormati dan bekerjasama. Kehadiran Prof Dr Ahmad Hata bin Rasit menambah seri majlis ini, menunjukkan sokongan dan komitmen pihak universiti terhadap usaha-usaha memperkuatkannya perpaduan dalam kalangan pelajar dan staf. Selain daripada peluang berbuka puasa bersama, majlis ini juga menyediakan ruang untuk perbincangan dan interaksi antara individu dari pelbagai latar belakang, yang menggalakkan pemahaman serta penghargaan terhadap keunikan dan kepelbagaiannya dalam masyarakat.

Dengan kejayaan majlis ini, diharapkan hubungan antara semua pihak dapat terus dipereratkan, dan semangat toleransi serta perpaduan dapat terus dipupuk dalam setiap aspek kehidupan. "Sungkey @ The Square" adalah contoh nyata bagaimana acara seperti ini dapat memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni.



POLGOV CARE

Sentuhan Ihsan

Pada 6 Mei 2024, program khidmat masyarakat yang dikenali sebagai "POLGOV Care Sentuhan Ihsan" telah diadakan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) OKU Samarahan. Program ini melibatkan penyertaan 23 orang pelajar Tahun 1 dan Tahun 2, yang diiringi oleh Dr. Leha Saliman. Program ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk melibatkan mahasiswa dalam aktiviti khidmat masyarakat yang bermakna dan memberikan impak positif kepada komuniti setempat.

Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan peserta mengenai tanggungjawab sosial mereka. Program ini bukan sahaja menyokong inisiatif pembangunan modal insan yang berkaliber tinggi, tetapi juga selari dengan elemen 'Ihsan' dalam slogan Malaysia MADANI, yang menekankan kepentingan nilai-nilai murni dan kepedulian terhadap masyarakat. Dengan penglibatan langsung dalam aktiviti khidmat masyarakat, program ini bertujuan memupuk sifat empati, keprihatinan, dan tanggungjawab sosial dalam diri setiap peserta.

Program ini melibatkan pelbagai aktiviti yang dirancang dengan teliti untuk memberi impak positif kepada golongan OKU di PDK Samarahan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan merangkumi sesi interaksi bersama penghuni PDK, aktiviti kreatif seperti melukis dan kraf tangan, serta sumbangan barang keperluan harian. Secara keseluruhannya, program ini juga telah berjaya memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasikan nilai-nilai ihsan dalam konteks sebenar, dengan kesan yang signifikan terhadap keprihatinan mereka terhadap golongan yang memerlukan.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR **POLGOV to UNTAN:** **Expand the Networking**

Program Kajian Politik dan Pemerintahan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universitas Tanjungpura (UNTAN) di Pontianak, Indonesia, dengan tema "POLGOV to UNTAN: Expand the Networking" pada 7 hingga 10 Mei 2024. Ini merupakan program antarabangsa pertama yang diadakan oleh program, dengan tujuan untuk meluaskan rangkaian pendidikan serta memperkuatkan hubungan antarabangsa di kalangan pelajar UNIMAS dan UNTAN. Lawatan ini menawarkan peluang yang berharga kepada pelajar Tahun Akhir untuk mempererat hubungan akademik dan membina rangkaian antarabangsa dengan rakan-rakan dari UNTAN. Sepanjang lawatan ini, para pelajar UNIMAS berpeluang memperkenalkan universiti mereka serta bertukar pandangan mengenai isu-isu politik dan pemerintahan dengan pelajar UNTAN. Program ini juga memberi ruang kepada para pelajar untuk berkongsi pengalaman dan pendapat melalui perbincangan ilmiah yang berkaitan dengan isu-isu semasa antara Malaysia dan Indonesia, serta meneroka peranan dan sumbangan belia dalam merealisasikan Komuniti ASEAN.

Pelbagai aktiviti menarik telah diatur sepanjang lawatan tersebut, termasuk forum bersama Dewan Perwakilan Rakyat Provinsi Kalimantan Barat, lawatan ke Muzium Negeri Kalimantan Barat dan Tugu Khatulistiwa, serta sesi perkongsian ilmu sambil menaiki Kapuas River Cruise. Selain itu, seminar antarabangsa antara UNIMAS dan UNTAN, aktiviti penghijauan bersama, aktiviti komuniti di rumah anak yatim, dan persembahan Malam Kebudayaan Antarabangsa turut diadakan. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menambah nilai kepada lawatan, tetapi juga memperkuatkan semangat kerjasama dan pemahaman antara pelajar keduanya universiti.



Bicara Isu-Isu Semasa Politik Malaysia

DARI PERSPEKTIF GEN Z

Bicara Isu-Isu Semasa Politik Malaysia dari Perspektif Gen Z" telah diadakan pada 21 Mei 2024 di bawah bimbingan Profesor Dr. Neilson Ilan Mersat. Forum ini melibatkan penyertaan pelajar dari tahun 1, 2, dan 3 Program Kajian Politik dan Pemerintahan. Lima orang pelajar iaitu Mandaking Missi, Mohamad Izuan bin Md Razib, Nur Najwa Atira binti Nor Rihan, Natasha Syafiah binti Mohd Hanafi, dan Nur Arifah Aina binti Abdillah, diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka tentang politik Malaysia.

Forum ini bertujuan untuk menyediakan platform yang komprehensif bagi pelajar Gen Z dalam membincangkan dan menganalisis isu-isu politik semasa. Matlamat utama acara ini adalah untuk memberi ruang kepada pelajar-pelajar tersebut untuk menyuarakan pandangan mereka dengan mendalam mengenai pelbagai aspek politik, serta menunjukkan kesediaan dan kesungguhan mereka dalam menyumbang kepada pembinaan negara.

Dalam forum ini, setiap peserta berpeluang untuk menyampaikan pandangan dan analisis mereka mengenai isu-isu politik yang relevan. Pandangan yang dikemukakan mencerminkan sikap progresif dan pendekatan inovatif mereka terhadap masalah politik yang dihadapi oleh negara. Melalui perbincangan ini, peserta bukan sahaja menunjukkan kepekaan mereka terhadap isu-isu semasa tetapi juga membuktikan keupayaan mereka untuk terlibat secara aktif dalam wacana politik. Kesungguhan mereka untuk menggunakan platform digital sebagai medium perubahan dan penyebaran maklumat menunjukkan peranan penting Gen Z dalam mempengaruhi arah tuju politik dan sosial masa depan negara.



BICARA ISU-ISU SEMASA POLITIK MALAYSIA DARI PERSPEKTIF GEN Z



MANDAKING
MISSI

MOHAMAD
IZUAN BIN
MD RAZIB

NUR NAJWA
ATIRA BINTI
NOR RIHAN



NUR ARIFAH
AINA BINTI
ABDILLAH

NATASHA SYAFIAH
BINTI MOHD
HANAFI

ATIRA BINTI
NOR RIHAN

POLGOV LEADERS

Knowledge Sharing

Pada 19 Jun 2024, Bilik Persidangan UNIMAS menjadi pentas kepada Sesi 'Polgov Leaders Knowledge Sharing,' sebuah acara yang berlangsung selama tiga jam. Program ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi perkongsian pengalaman dan perjalanan kepimpinan, yang dihadiri oleh pelajar Program Kajian Politik dan Pemerintahan (POLGOV).

Majlis perasmian acara ini disempurnakan oleh Profesor Dr. Neilson Ilan Mersat, yang merupakan mantan Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Dalam ucapannya, Profesor Dr. Neilson menekankan kepentingan perkongsian pengetahuan sebagai asas dalam membentuk pemimpin masa depan.



Sesi perkongsian menampilkan tiga panel iaitu Emma Anchong Chaong, Presiden UNIMAS Polgov Society 2023/2024, Mandaking Missi, Alumni Global Undergraduate Exchange (UGRAD), dan Mohd Azhari Afirul bin Amiruldin, Mantan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS 2023/2024. Mereka berkongsi perjalanan kepimpinan masing-masing, serta pelajaran yang dipelajari sepanjang perjalanan tersebut. Penutupan program dilakukan oleh Dr. Leha anak Saliman, Penyelaras Program Kajian Politik dan Pemerintahan, yang menggariskan manfaat sesi ini dalam memperluas perspektif pelajar melalui pengalaman yang dikongsi.

Selepas sesi perkongsian, majlis diteruskan dengan jamuan makan yang memberikan peluang kepada peserta untuk berinteraksi dengan penceramah serta rakan-rakan mereka dalam suasana yang lebih santai. Sesi ini berjaya menyediakan platform yang berharga bagi pelajar POLGOV untuk memperoleh inspirasi dan motivasi daripada pengalaman pemimpin. Di samping itu, acara ini diharapkan dapat membentuk generasi pemimpin yang lebih berpengetahuan dan berfikiran kritis.

PERTANDINGAN VIDEO Innovative Sustainability 2024

Pada 22 Jun 2024, Kabinet POLGOV telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Video "Innovative Sustainability 2024" yang diadakan sempena Festival Kokurikulum di Detar Putra, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Pertandingan ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk memperkenalkan kreativiti dan inovasi mereka dalam menyokong matlamat kelestarian.

Dalam pertandingan ini, POLGOV mempersembahkan video bertajuk "POLGOV's Leadership," yang mengetengahkan peranan dan sumbangan mereka sepanjang sesi kepimpinan 2023/2024. Video ini menonjolkan usaha POLGOV dalam mengubah persepsi orang awam terhadap politik, dengan memperkenalkan konsep politik sebenar melalui program-program yang berlandaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Penghasilan video ini melibatkan penyertaan Emma Anchong Chaong, Nur Humaira Batrisyia, Nurul Zaqirah, Nurul Damia, Muhammad Afiq Azizi, Darryl Ashly, dan Lavenne Hunyang. Mereka telah bersama-sama mencerahkan usaha untuk memastikan penyampaian kandungan yang kreatif dan bermakna, serta memperlihatkan dedikasi mereka dalam memperjuangkan visi POLGOV.

Pertandingan ini bukan sahaja menyediakan pengalaman yang berharga bagi Kabinet POLGOV, tetapi juga memberikan peluang untuk menonjolkan pencapaian dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang sesi kepimpinan mereka. Selain itu, ia berfungsi sebagai platform untuk mengasah kemahiran dalam penghasilan video yang informatif dan inovatif, sekaligus memperkuatkhan visi POLGOV untuk mencapai perubahan positif dalam landskap politik Malaysia.

Untuk menonton video tersebut, sila klik link di bawah.



Majlis Makan Malam

Majlis Makan Malam Pelajar Tahun Akhir

Pada 3 Julai 2024, pelajar tahun akhir Program Kajian Politik dan Pemerintahan (POLGOV) telah menganjurkan Majlis Makan Malam Perpisahan sebagai acara penutup bagi sesi pengajian mereka. Majlis ini diadakan di Hotel Serapi dengan tema "Street Wear." Tema ini dipilih untuk mencerminkan gaya dan personaliti pelajar, sambil mencipta suasana yang santai dan mesra bagi acara tersebut.

Majlis ini dihadiri oleh pelajar tahun akhir POLGOV bersama pensyarah program, sebagai tanda penghargaan dan perpisahan sebelum mereka melangkah ke fasa seterusnya dalam kerjaya mereka. Acara ini diatur dengan penuh teliti untuk memastikan suasana yang meriah dan penuh makna. Selain menikmati hidangan makan malam, majlis ini turut diserikan dengan pelbagai aktiviti dan ucapan yang menggambarkan perjalanan akademik dan pencapaian pelajar sepanjang tempoh mereka dalam program ini.

Majlis Makan Malam Perpisahan ini bukan sahaja menjadi peluang untuk meraikan kejayaan pelajar tahun akhir, tetapi juga sebagai momen refleksi dan penghargaan terhadap sumbangan mereka dalam Program Kajian Politik dan Pemerintahan. Acara ini diakhiri dengan sesi bergambar dan perbincangan santai, di mana pelajar dan pensyarah berpeluang berkongsi kenangan serta mengharapkan kejayaan yang berterusan untuk masa depan pelajar.



Program Khidmat Masyarakat PEMERKASAAN 18: MEMBENTUK DEMOKRASI MASA HADAPAN PADA HARI INI

Pada 6 Julai 2024, pelajar Program Kajian Politik dan Pemerintahan (POLGOV) telah menjalankan aktiviti khidmat masyarakat yang bertajuk "Pemerksaan 18: Membentuk Demokrasi Masa Hadapan Pada Hari Ini." Aktiviti ini dilaksanakan bersama komuniti PBB N.23 Bukit Semunja dan merupakan sebahagian daripada projek SULAM, yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Arnold Puyok.

Program ini menyediakan platform yang berharga bagi pelajar untuk mendalami pelbagai aspek berkaitan demokrasi, proses pengundian, penglibatan sivik, dan kepentingan penyertaan belia dalam politik. Melalui aktiviti ini, peserta berpeluang untuk memperolehi pandangan yang mendalam dan ilmu yang sangat berharga mengenai tanggungjawab mereka sebagai rakyat dalam memastikan kelangsungan demokrasi yang sihat dan berfungsi dengan baik. Pada sebelah pagi, sesi bengkel pertama dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Arnold Puyok, yang membentangkan prinsip-prinsip asas demokrasi, kepentingan pengundian, dan tanggungjawab sebagai rakyat dalam proses pilihan raya. Manakala, bengkel kedua dikendalikan oleh Puan Jo-Anna Henley Rampas, yang berkongsi pengalaman dan pandangannya mengenai penglibatan sivik serta kepentingan penyertaan belia dalam politik.

Forum yang diadakan pada sebelah petang pula memperlihatkan perbincangan mengenai hala tuju Undi-18 di Malaysia. Perbincangan ini diketuai oleh Profesor Madya Dr. Arnold Puyok, Puan Jo-Anna Henley Rampas, dan Encik Aaron Nagai. Forum ini memberikan pandangan pelbagai pihak mengenai isu dan cabaran dalam merealisasikan Undi-18, dan membuka mata peserta terhadap kompleksiti pelaksanaan hak mengundi pada usia 18 tahun. Sesi penutupan program disempurnakan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Tuan John Ilus, Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak N23 Bukit Semuja, dan Dr. Leha Saliman, Penyelaras Program Kajian Politik dan Pemerintahan.



PILIHANRAYA POLGOV

Rapat Umum Calon POLGOV

2024/2025



Dalam acara ini, Dr. Leha Saliman, selaku Penyelaras Program Kajian Politik dan Pemerintahan, memberikan sokongan dan panduan yang penting kepada calon-calon. Kehadiran beliau bukan sahaja memberikan dorongan moral kepada para calon, tetapi juga memastikan pelaksanaan proses pilihan raya berjalan dengan baik.

Secara keseluruhannya, rapat umum ini telah berjaya menyediakan platform yang efektif bagi calon-calon untuk memperjelaskan visi mereka. Acara ini memainkan peranan penting dalam menentukan kepimpinan masa depan POLGOV Society serta memastikan proses pilihan raya dijalankan dengan telus, berasaskan kepada kualiti idea yang ditawarkan oleh calon-calon.

Pada 1 Julai 2024, POLGOV Society telah menganjurkan Rapat Umum Calon Pilihan Raya POLGOV 2024/2025, sebuah acara penting yang memberi peluang kepada calon-calon Majlis Tertinggi 2024/2025 untuk membentangkan manifesto mereka. Acara ini bertujuan memberikan gambaran jelas mengenai matlamat dan visi setiap calon dalam memimpin POLGOV Society.

Dalam sesi pidato awam ini, seramai 8 calon telah tampil untuk membentangkan visi, misi, dan rancangan mereka untuk mempertingkatkan kualiti Kabinet POLGOV. Setiap calon memanfaatkan platform ini untuk memperkenalkan idea-idea baru serta menjelaskan bagaimana mereka akan menjalankan tanggungjawab jika dipilih. Pidato ini menampilkan pelbagai idea yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesaan dan kualiti POLGOV Society, dari penambahbaikan program sedia ada hingga kepada inisiatif baru.

